

Pengarah Seksyen Teknologi dan Pengurusan Moden
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor

Tarikh: 6 Mac 2024

YBrs Dr / Tuan / Puan,

MAKLUMAN AWAL TARIKH TAMAT KONTRAK KERJA (16 MEI 2024) - DAYANA AFIQAH DIN ARIF

Saya merujuk kepada perkara di atas,

2. Untuk makluman YBrs Dr/Tuan/Puan, tempoh kontrak kerja saya bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan tamat pada **16 Mei 2024 (Khamis)**. Tujuan makluman awal ini dikemukakan adalah untuk memaklumkan bahawa saya akan menamatkan kontrak kerja mengikut tempoh yang ditetapkan dan tidak akan menyambung kontrak sekiranya ditawarkan sambungan kontrak ataupun penempatan tetap.
3. Sehubungan itu, untuk memastikan peralihan kerja dilakukan secara lancar, saya memohon kerjasama pihak YBrs Dr/Tuan/Puan untuk menempatkan pegawai yang akan menggantikan saya terlebih awal memandangkan tuntutan kerja di EEPN agak kritikal terutamanya aktiviti yang melibatkan projek NIMP 2030. Pemakluman awal tarikh tamat kontrak saya ini diharapkan dapat membantu aktiviti penstrukturan pegawai yang sedang dikemaskini pada masa kini.
4. Saya amat bersyukur dan berterima kasih atas peluang dan tunjuk ajar yang diberikan oleh pihak pengurusan MPC serta rakan sekerja sepanjang tempoh dua (2) tahun saya bekerja di sini. Sejujurnya, pengalaman bekerja di MPC merupakan pengalaman terbaik dari segi membina pengetahuan dan rangkaian (*networking*) professional untuk kerjaya saya pada masa hadapan.
5. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBrs Dr/Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan jutaan terima kasih.

Yang benar,



Dayana Afiah Din Arif

Penolong Pengurus

Nexus Produktiviti Elektrikal & Elektronik (EEPN)

Seksyen Teknologi dan Pengurusan Moden

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

S.K:

YBrs En. Zahid Ismail

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

YBrs Dr. Mazrina

Timbalan Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

YBrs Dr. Mohamad Norjayadi Tamam

Timbalan Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

En. Khairizal Khahidir

Pengurus

Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (HRMD)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)